

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PANDAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri bertaraf Menteri yang telah dilantik dan berapa kuota yang ditetapkan, serta berapa kos bulanan keseluruhan bagi pejabat setiap Penasihat Khas bertaraf Menteri termasuk kos pegawai-pegawai mereka.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABDUL LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perdana Menteri tidak melantik Penasihat Khas bertaraf Menteri. Penasihat Khas bertaraf Menteri hanya akan dilantik berdasarkan kepada keadaan dan keperluan semasa yang memerlukan kepakaran dan pengalaman tertentu seseorang.

2. Buat masa ini, hanya terdapat 3 orang Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri yang telah dilantik iaitu:

- a. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Undang-undang dan Hak Asasi Manusia);
- b. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Agama); dan
- c. Penasihat Khas Kepada YAB Perdana Menteri (Kesihatan).

Dalam hal ini, tiada sebarang had kuota kepada Perdana Menteri bagi melantik Penasihat Khas jika diperlukan pada sesuatu masa.

3. Anggaran kos bulanan keseluruhan bagi setiap satu pejabat Penasihat Khas yang telah dilantik termasuk kos pegawai-pegawai di pejabat tersebut adalah sebanyak RM 50,000.

Sekian, terima kasih.